

## **ANALISIS TERHADAP ASPEK HUKUMAN KESALAHAN JENAYAH DALAM KANUN NEGERI LINGGA**

### **An Analysis of Criminal Penalties in the Kanun Negeri Lingga**

**Fatimah Hamrie\*, Saimi Bujang**

Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Samarahan Campus, 94300 Jalan Meranek, Kota Samarahan, Sarawak

\*(Corresponding author) e-mail: [dikfatum@gmail.com](mailto:dikfatum@gmail.com)

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol33no1.5>

#### **ABSTRACT**

*This study examines the content of the Kanun Negeri Lingga (KNL) manuscript, an Undang-Undang Melayu Lama (UML) legal text that demonstrates the existence of a structured and functioning Islamic legal system in Sarawak prior to the colonial era. Although several UML texts have been identified in Sarawak, in-depth research on KNL remains limited. Therefore, this study aims to analyse the punitive aspects of Islamic criminal offences outlined in KNL—a field that has received little scholarly attention, especially in Sarawak's context. A qualitative descriptive approach was employed, using library research and document analysis methods. The data analysis was conducted in several systematic stages. These stages were: (i) preparation and understanding of the text, (ii) comprehensive reading of KNL, (iii) data coding, (iv)*

*thematic classification, and (v) interpretation of the content based on the Islamic legal framework. The findings reveal that KNL details punishments for offences such as apostasy (murtad), adultery (zina), theft, false accusation (qazaf), retribution (qisas) and discretionary punishments (ta'zir), in accordance with Shariah principles. These provisions reflect an organised and functional implementation of Islamic criminal law, serving as an early foundation for understanding the Islamic legal system in Sarawak. The study's findings also contribute to reinforcing the influence and relevance of KNL in shaping the contemporary Islamic legal framework in Sarawak.*

**Keywords:** *Kanun, Lingga, crime, hudud and qisas*

## ABSTRAK

*Kajian ini meneliti kandungan Manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL), sebuah teks Undang-Undang Melayu Lama (UML) yang membuktikan kewujudan sistem perundangan Islam yang tersusun dan berfungsi di Sarawak sebelum era penjajahan. Walaupun beberapa teks UML telah dikenalpasti di Sarawak, penyelidikan mendalam terhadap KNL masih terbatas. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek hukuman terhadap kesalahan jenayah Islam yang terkandung dalam KNL, satu bidang yang masih kurang mendapat perhatian khususnya dalam konteks Sarawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui kaedah kajian perpustakaan dan analisis dokumen. Proses analisis data dilaksanakan secara sistematis melibatkan beberapa peringkat: penyediaan dan pemahaman teks, pembacaan menyeluruh terhadap KNL, pengekodan, pengelasan mengikut tema, serta interpretasi kandungan berdasarkan kerangka perundangan Islam. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa KNL memperincikan hukuman bagi kesalahan jenayah seperti murtad, zina, mencuri, qazaf, qisas dan ta'zir, yang selari dengan prinsip-prinsip syariah. Peruntukan ini mencerminkan struktur pelaksanaan hukum jenayah Islam yang teratur dan berfungsi, sekaligus menjadi asas kepada pemahaman awal tentang sistem perundangan Islam di Sarawak. Penemuan kajian ini turut menyumbang*

*kepada pengukuhan hujah mengenai pengaruh dan relevansi KNL dalam pembentukan sistem undang-undang Islam semasa di Sarawak.*

**Kata Kunci:** *Kanun, Lingga, jenayah, hudud, qisas*

## PENGENALAN

Manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL)<sup>1</sup> merupakan teks Undang-undang Melayu Lama (UML) sebagai naskhah yang menjadi bukti kewujudan dan pelaksanaan perundangan Islam di Sarawak. Manuskrip KNL dianggarkan telah wujud sejak lebih satu setengah abad yang lalu, berdasarkan catatan tarikh 1279 Hijrah atau 1862 Masihi yang terdapat pada halaman pertamanya. KNL ini merupakan dokumen bertulis yang mengintegrasikan unsur-unsur adat Melayu dengan prinsip-prinsip hukum Islam, mencerminkan evolusi sistem perundangan dalam masyarakat Melayu Islam di negeri tersebut sekitar pertengahan abad ke-19. KNL bukan sekadar koleksi undang-undang adat, tetapi juga merangkumi aspek-aspek penting Syariah. Kandungannya meliputi pelbagai cabang hukum Islam, termasuk *Fiqh Ibadah, Jinayah, Muamalat, dan Munakahat*. Keluasan skop ini menunjukkan bahawa KNL berfungsi sebagai panduan komprehensif yang mengatur pelbagai aspek kehidupan masyarakat Islam di Sarawak pada masa itu.

Dalam membincangkan pelaksanaan perundangan Islam, pendekatan yang diambil oleh kerajaan-kerajaan Melayu terdahulu di Malaysia tidak boleh disamakan dengan negara Islam lain atau dengan pendekatan pada era sejarah yang berbeza. Setiap kerajaan mempunyai kaedah tersendiri dalam menyesuaikan sistem perundangan Islam mengikut konteks masyarakatnya. Sejarah membuktikan bahawa Syariat Islam pernah menjadi asas kepada sistem perundangan dunia Islam yang merangkumi pelbagai bangsa, budaya dan bahasa. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, perkembangan kes baharu, serta pengaruh adat dan keadaan setempat, Syariat Islam berasaskan prinsip fiqh yang mantap. Bahkan, ia telah berfungsi sebagai sistem perundangan utama selama lebih daripada tiga belas abad sebelum diperkenalkan sistem perundangan Barat melalui penjajahan.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Kanun Negeri Lingga. 1862. Disimpan dan diperoleh daripada waris Kerajaan Banting di Lingga.

<sup>2</sup> Md. Salleh Haji Md. @ Haji Ahmad, Pengajian Syariah: Hubungan dengan Adat Resam serta Keadaan Tempatan dalam Dinamisme Pengajian Syariah

Menurut Abdul Monir Yaacob (2009),<sup>3</sup> perkembangan sistem perundangan berlaku seiring dengan keperluan masyarakat serta tahap kemajuan tamadun. Prinsip fiqh turut menegaskan bahawa hukum berubah mengikut perubahan masa, tempat, dan keadaan. Di Malaysia, pelaksanaan perundangan Islam mengalami evolusi secara beransur-ansur dalam jangka waktu yang panjang. Zaini Nasohah (2006)<sup>4</sup> pula menjelaskan bahawa perkembangan perundangan Islam di Sarawak lebih perlahan berbanding negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Faktor utama yang mempengaruhi keadaan ini adalah perbezaan latar politik serta pendekatan pentadbiran kolonial di Sarawak, yang cenderung mengutamakan peraturan adat tempatan bagi masyarakat Bumiputera. Walaupun demikian, unsur-unsur perundangan Islam tetap memberikan pengaruh terhadap sistem perundangan tempatan. Beliau juga turut menegaskan bahawa sejak pemerintahan keluarga Brooke hingga awal 1980-an, perundangan Islam yang disesuaikan dengan adat tempatan memainkan peranan penting dalam pentadbiran undang-undang, meskipun terdapat beberapa peruntukan yang tidak sepenuhnya selari dengan prinsip syariah.

Kajian-kajian akademik berkaitan pengamalan perundangan Islam di Sarawak masih terhad. Saimi Bujang et. al. (2022)<sup>5</sup> menyatakan bahawa perundangan Islam telah diamalkan sebelum pemerintahan James Brooke pada tahun 1841. Bukti yang menyokong kenyataan ini termasuk kewujudan surat pelantikan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak bertarikh 24 September 1841 serta langkah beliau mencetak undang-undang tempatan di Singapura pada Januari 1842. Di samping itu, teks seperti *Syair Tarsilah Cetera Dato' Gudam*, *Manuskrip Sejarah Banting*, dan *Asal-Usul Neneh Datuk* menunjukkan elemen perundangan Islam dalam struktur pemerintahan tempatan. Walau bagaimanapun, kajian mendalam terhadap kandungan teks-teks UML, khususnya KNL, masih kurang dijalankan. Hasil sorotan kajian juga mendapati belum terdapat penyelidikan komprehensif dan akademik yang memfokuskan kandungan

---

(Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Percetakan Zafar Sdn. Bhd., 2001).

<sup>3</sup> Abdul Monir Yaacob, "Pelaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian," *Jurnal Fiqh* 6 (2009): 1–20.

<sup>4</sup> Zaini Nasohah, "Perkembangan Undang-Undang untuk Orang Islam di Negeri Sarawak Sebelum dan Selepas Merdeka," dalam *Perkembangan Islam di Nusantara* (Kuala Lumpur: UPENA, UiTM, 2006), 239.

<sup>5</sup> Saimi Bujang, Abdul Razak Abdul Kadir, Noranizah Yusuf, Fatimah Hamrie, dan Wan Ariffin Wan Yon, "Sejarah dan Perkembangan Pentadbiran Islam pada Era Pemerintahan Brooke di Sarawak," *Journal of Al-Tamaddun* 17, no. 2 (2022): 53–70.

manuskrip ini secara terperinci. Kajian oleh Azuan Jemat (2018)<sup>6</sup> hanya menyentuh bahawa KNL merupakan undang-undang berteraskan syariah tanpa memberi penekanan kepada analisis kandungan atau aspek perundangan Islam secara menyeluruh.

Kewujudan manuskrip ini menunjukkan bahawa Sarawak memiliki ketamadunan perundangan Melayu-Islam yang tersendiri, dan hal ini bercanggah dengan pandangan seperti yang dikemukakan oleh Sanib Said (1998)<sup>7</sup> menerusi konsep *Mitos Brooke and Great Britain*, yang mengaitkan pembentukan tamadun perundangan Sarawak semata-mata dengan pengaruh Barat. Justeru, kajian ini penting bagi mengisi jurang ilmiah berkaitan kandungan teks KNL, khususnya dalam aspek undang-undang jenayah. Maka, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk menjelaskan maklumat berkaitan latar belakang dan kandungan manuskrip KNL serta menganalisis aspek hukuman kesalahan jenayah Islam yang terkandung di dalamnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengadaptasi pendekatan penyelidikan deskriptif kualitatif, menggabungkan aspek-aspek kualitatif dan deskriptif dalam metodologinya. Proses pengumpulan dan analisis data melibatkan interpretasi maklumat berbentuk kata-kata, sama ada lisan atau bertulis, yang mencerminkan tingkah laku manusia yang boleh diperhatikan.<sup>8</sup> Fokus utama kajian ini adalah pada kaedah kajian perpustakaan dan analisis dokumen.

Untuk memperoleh maklumat yang komprehensif, pelbagai sumber rujukan digunakan, merangkumi sumber primer dan sekunder. Sumber primer kajian ini adalah manuskrip KNL itu sendiri. Manuskrip ini merangkumi teks asli yang digunakan sebagai asas utama dalam kajian. Teks manuskrip ini akan dianalisis secara terperinci bagi meneliti kandungannya, khususnya aspek undang-undang jenayah Islam yang

<sup>6</sup> Azuan Jemat, *Negeri Lingga Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga* (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2018), dalam Seminar Hak dan Adat Bumiputera Melayu Sarawak, Dewan Hikmah, Kuching, 29 Januari 2018.

<sup>7</sup> Sanib Said, "Umat Islam di Sarawak: Dulu, Sekarang dan Akan Datang," dalam *Masyarakat Melayu Sarawak: Himpunan Kertas Seminar Budaya Melayu II* (Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 1998), 31.

<sup>8</sup> S. J. Taylor dan R. Bogdan, *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*, 2nd ed. (New York: John Wiley & Sons, 1984).

terkandung di dalamnya. Manuskip KNL yang digunakan dalam kajian ini merupakan manuskrip tulisan tangan yang ditemukan dalam versi tulisan Jawi. Dalam hal ini, teks asal manuskrip ini juga telah diperoleh melalui salah seorang daripada waris pemerintahan Kerajaan Banting di Lingga, Sri Aman iaitu Abg Sakardi bin Abg Nor. Menurut Abg Sakardi (2023), manuskrip tersebut diberikan oleh bapanya kepada beliau untuk disimpan. Beliau dimaklumkan oleh bapanya bahawa manuskrip tersebut merupakan undang-undang yang pernah digunakan oleh pemerintah di Lingga. Pemerintah tersebut ialah Datuk Hussin bin Abang Hassan, yang merupakan waris keturunan pemerintah di negeri Banting, Sri Aman, Sarawak.

Bagi tujuan analisis, manuskrip ini ditransliterasi kandungannya kepada bahasa Melayu daripada tulisan Jawi. Bagi membantu pemahaman terhadap teks-teks dalam bahasa Melayu lama yang digunakan dalam manuskrip ini, rujukan kepada kamus dan teks-teks sejarah bahasa Melayu lama digunakan. Selain itu, jika berlaku kekeliruan dalam mentafsirkan teks atau makna, rujukan dilakukan terhadap kajian-kajian terdahulu dan terjemahan yang telah dibuat oleh sarjana-sarjana dalam bidang ini.

Kajian ini turut merujuk sumber sekunder seperti artikel dan buku terpilih yang membincangkan KNL dan perundangan Islam di Sarawak. Antara karya penting yang dirujuk termasuk tulisan Azuan Jemat (2018)<sup>9</sup> dan Saimi Bujang et al. (2022)<sup>10</sup> yang memberi konteks sejarah dan sosial pelaksanaan KNL di Sarawak.

Proses analisis dalam kajian ini menggunakan pendekatan analisis data mikro yang melibatkan beberapa peringkat utama. Proses ini dimulai dengan penyediaan teks dan pemahaman isu kajian. Seterusnya, data dikelaskan mengikut tema, sebelum diinterpretasi untuk menjelaskan maksudnya. Proses pengelasan dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menyusun data mengikut kategori tema yang berkaitan dengan kajian ini. Khususnya, pengkodan difokuskan kepada aspek perundangan Islam, terutamanya undang-undang jenayah. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menganalisis data secara terperinci dan menyeluruh, seterusnya memperoleh pemahaman yang mendalam tentang aspek hukuman kesalahan jenayah dalam manuskrip tersebut.

<sup>9</sup> Azuan Jemat, Negeri Lingga Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lutar dan Sungai Lingga

<sup>10</sup> Saimi Bujang, Abdul Razak Abdul Kadir, Noranizah Yusuf, Fatimah Hamrie, dan Wan Ariffin Wan Yon, "Sejarah dan Perkembangan Pentadbiran Islam pada Era Pemerintahan Brooke di Sarawak."

## DAPATAN KAJIAN

Dapatkan kajian membincangkan tiga perkara utama iaitu; (1) pengenalan manuskrip Kanun Negeri Lingga; (2) hukuman kesalahan jenayah Islam dalam KNL; (3) pengaruh dan relevansi manuskrip KNL dalam pembentukan sistem undang-undang semasa di Sarawak.

### 1. Pengenalan Manuskrip Kanun Negeri Lingga

Manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL) ialah sebuah dokumen undang-undang bertulis yang berasal daripada Kerajaan Banting. Kerajaan ini merupakan sebuah entiti pemerintahan Melayu Islam yang pernah wujud di lembah Batang Lumar, khususnya di daerah kecil Lingga, Bahagian Sri Aman, Sarawak. Kerajaan ini dinamakan "Banting" sempena lokasi pusat pemerintahannya di Bukit Banting.<sup>11</sup> Ia muncul sekitar abad ke-17 Masihi dan menguasai wilayah yang luas dari pertemuan Sungai Klauh dan Sungai Pantu hingga ke Ulu Lemanak di hulu Sungai Batang Lumar, Sarawak.<sup>12</sup>

Kerajaan Banting merupakan pusat pentadbiran penting semasa pemerintahan Kesultanan Brunei dan diketuai oleh pemimpin seperti Sharif Jaafar.<sup>13</sup> Ia juga sezaman dengan kemunculan Kesultanan Pontianak di Kalimantan, Indonesia. Menurut Pringle (1970; 2010),<sup>14</sup> kerajaan ini telah wujud sejak tahun 1789 dengan pemimpinnya dikenali sebagai Malik Borhan. Kajian Sanib (2023)<sup>15</sup> menunjukkan bahawa gelaran ini mempunyai persamaan dengan gelaran dalam Kesultanan Terengganu seperti "Malik al-Adil", sebagaimana dicatatkan oleh Abdullah al-Munsyi. Raja pertama Kerajaan Banting dikenali sebagai Tengku Akil,

<sup>11</sup> Sanib Said, *Negeri Banting: Negeri yang Hilang dari Sarawak*, episod 10, TVS Entertainment, 2023, diakses pada 28 Disember 2024, <https://www.youtube.com/watch?v=14a6G4rqZww>; Azuan Jemat, *Negeri Lingga Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lumar dan Sungai Lingga*, 2018.

<sup>12</sup> Sanib Said, *Negeri Banting: Negeri yang Hilang dari Sarawak*, episod 10, TVS Entertainment, 2023

<sup>13</sup> Azuan Jemat, *Negeri Lingga Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lumar dan Sungai Lingga*, 2018.

<sup>14</sup> Pringle, R. (1970). *Rajah and rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941*. MacMillan Ltd.; Pringle, R. (2010). *Rajahs and rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941*. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), ISBN 9789675418013.

<sup>15</sup> Sanib Said, *Negeri Banting: Negeri yang Hilang dari Sarawak*, episod 10, TVS Entertainment, 2023

berketurunan Melayu-Arab yang turut memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah Islam di kawasan Batang Lupar.<sup>16</sup> Pemerintahan ini dipercayai berakhir selepas kedatangan James Brooke pada tahun 1841M, yang menyaksikan perpindahan penduduk dan alat kebesaran ke Lingga.

Manuskrip KNL ini turut dikenali sebagai *Hukum Kanun Undang-Undang dan Adat Melayu Banting* atau *Undang-Undang Banting*,<sup>17</sup> merupakan bukti bertulis sistem perundangan kerajaan tersebut. Manuskrip ini kini disimpan oleh salah seorang waris pemerintah Kerajaan Banting, iaitu Abang Sakardi bin Abang Nor.<sup>18</sup> Menurut beliau, manuskrip ini diwariskan oleh ayahandanya. Ayahandanya memaklumkan bahawa manuskrip tersebut merupakan undang-undang yang digunakan oleh Datuk Pahlawan Abang Hussein bin Abang Hassan, pemerintah di Lingga dan waris keturunan Kerajaan Banting. Menurut beliau, manuskrip ini jug merupakan satu-satunya salinan asli yang diketahui wujud setakat ini dan disimpan secara peribadi oleh beliau sebagai warisan keluarga. Sehingga kini, tiada rekod rasmi atau maklumat menunjukkan bahawa terdapat salinan lain yang disimpan oleh pihak institusi atau individu lain. Manuskrip ini juga belum pernah diterbitkan secara rasmi dalam bentuk cetakan atau digital. Namun, transliterasi kandungan manuskrip ini telah dilakukan untuk tujuan penyelidikan dan dokumentasi akademik.<sup>19</sup>

Berdasarkan catatan pada halaman pertamanya, manuskrip KNL ini merupakan undang-undang agama yang digunakan pada tahun 1279 Hijrah (bersamaan 1862 Masihi) semasa pemerintahan Datuk Pahlawan Abang Hussein bin Abang Hassan di Lingga. Manuskrip ini dianggarkan berusia lebih 150 tahun. Bukti usia ini dapat dilihat pada halaman pertama manuskrip yang mencatatkan:

<sup>16</sup> Azuan Jemat, *Negeri Lingga Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga*, 2018

<sup>17</sup> Azuan Jemat, *Negeri Lingga Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga*, 2018

<sup>18</sup> Noranizah Yusof, Perspektif Baharu Perkembangan Perundangan Islam Di Sarawak. (PhD, UiTM Sarawak, 2025) - Abg Nor, A.S. (2023) Temu bual Noranizah Yusof bersama pemilik manuskrip Kanun Negeri Lingga. Tarikh, 20 Mac 2023.

<sup>19</sup> Noranizah Yusof, Perspektif Baharu Perkembangan Perundangan Islam Di Sarawak.

*“Inilah undang-undang agama dipakai di masa tahun 1279 sanah zaman Datuk Pahlawan Abang Hussein bin Abang Hassan semasa diam di Banting.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 1)

Catatan tarikh 1279 Hijrah bersamaan 1862 Masihi ini menunjukkan bahawa manuskrip tersebut telah digubal dalam zaman pemerintahan Melayu tempatan, sebelum penguasaan penuh Brooke ke atas wilayah Sarawak.

Antara bukti sejarah lain tentang kewujudan Kerajaan Banting termasuklah manuskrip *Sejarah Banting dan Asal-Usul Neneh Datuk, Catatan Abang Mohamad Zain*, serta peninggalan fizikal seperti empat buah meriam yang kini disimpan di Pejabat Daerah Kecil Lingga. Kerajaan Banting dipercayai berakhir selepas James Brooke menguasai Sarawak pada tahun 1841M. Alat kebesaran negeri dan penduduk Melayu telah dipindahkan ke Lingga dan Triso. Pada tahun 1852 (6 Safar 1236H), pemerintahan Abang Hussein di Lingga telah diiktiraf secara rasmi.<sup>20</sup>

Analisis fizikal manuskrip ini mendedahkan dimensi yang menunjukkan sifat mudah alihnya, dengan ukuran 10.5 cm lebar, 16.5 cm tinggi, dan 1 cm tebal. Struktur fizikalnya mencerminkan format kitab bersaiz kecil yang mudah dibawa. Dari segi kandungan, manuskrip ini merangkumi 80 halaman asal dalam tulisan Jawi, yang kemudiannya bertambah menjadi 88 halaman selepas proses transliterasi ke dalam Rumi (Bahasa Melayu). Setiap halaman mengandungi antara 13 hingga 15 baris, dengan purata 10 perkataan setiap baris. Walaupun tulisan Jawi ini ditulis tangan dengan teliti dan tersusun, saiz huruf yang kecil dan jarak antara huruf yang rapat menyukarkan proses pembacaan. Manakala dari aspek material manuskrip ini mendedahkan penggunaan dakwat hitam untuk penulisan teks. Ketiadaan kulit buku merupakan ciri fizikal yang ketara, menunjukkan kemungkinan kerosakan atau kehilangan bahagian luaran manuskrip tersebut sepanjang tempoh penyimpanannya.

Dari aspek kandungan, KNL secara keseluruhan mengandungi pelbagai aspek penting perundangan dalam masyarakat Melayu Islam tradisional. Berdasarkan analisa terperinci terhadap kandungannya, empat bahagian utama telah dikenal pasti:

<sup>20</sup> Sanib Said, *Negeri Banting: Negeri yang Hilang dari Sarawak*, episod 10, TVS Entertainment, 2023

1. Undang-Undang Islam (Syariah)

Undang-undang syariah dalam KNL membahaskan tentang:

- a) *Fiqh Ibadah*
- b) *Fiqh Munakahat* (Kekeluargaan Islam)
- c) *Fiqh Muamalat*
- d) *Fiqh Jinayat*

2. Undang-Undang Adat Melayu Lingga

Undang-undang adat dalam KNL meliputi:

- a) Undang-undang jenayah mengikut Undang-undang Adat Melayu Lingga
- b) Undang-undang kontrak perkhidmatan (upah) dan sewa mengikut Undang-undang Adat Melayu Lingga
- c) Undang-undang kecuaian berhubung penjagaan harta mengikut Undang-undang Adat Melayu Lingga

3. Undang-Undang Pemerintahan Raja

KNL memperuntukkan undang-undang berkaitan:

- a) Hak keistimewaan dan syarat seorang Raja, Bendahara, Temenggong, Syahbandar dan Nakhoda
- b) Bidang kuasa para pembesar dalam tatacara antara raja dan rakyat
- c) Tiga kesalahan yang tidak boleh diampuni oleh hakim kecuali Raja
- d) Kuasa menghukum bunuh tanpa izin Raja oleh pembesar tertentu
- e) Peraturan mengenai pasar dan hukum nakhoda jong

4. Undang-Undang Laut

Undang-undang Laut dalam KNL menyentuh:

- a) Undang-undang pelayaran dan perahu dagang
- b) Hukum nakhoda
- c) Peraturan pelayaran dan perniagaan
- d) Kesalahan jenayah dan bidang kuasa nakhoda kapal
- e) Peraturan mengenai penyelamatan di laut dan harta karam

Berdasarkan analisa mendalam, terdapat beberapa dapatan penting:

1. Pengaruh Islam yang signifikan, terutamanya dalam bahagian undang-undang syariah, yang mencerminkan prinsip-prinsip hukum Islam.
2. Integrasi unsur-unsur hukum adat, khususnya dalam undang-undang adat Lingga.
3. Sintesis unik antara undang-undang Islam dan adat Melayu, terutamanya dalam aspek kekeluargaan.

Kesimpulannya, manuskrip KNL menunjukkan kesepaduan antara undang-undang Islam dan adat Melayu. Selain itu, KNL juga memperuntukkan bahagian khusus mengenai undang-undang jenayah yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan seperti kesalahan mencuri, membunuh, hukum zina, *qazaf* dan sebagainya. Kandungan ini membuktikan bahawa sistem perundangan dalam kerajaan Melayu tempatan telah tersusun dan mencerminkan pemikiran hukum Islam yang berfungsi dalam pemerintahan sebelum kedatangan kolonial.

## **2. Undang-Undang Jenayah Islam Dalam Kanun Negeri Lingga**

Dalam sistem perundangan Islam, jenayah dibahagikan kepada beberapa kategori utama berdasarkan jenis kesalahan dan bentuk hukuman yang ditetapkan oleh syarak. Secara umumnya, kesalahan jenayah dalam Islam diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, iaitu *hudud*, *qisas* dan *ta'zir*. *Hudud* merupakan kesalahan yang ditetapkan secara jelas dalam al-Quran dan hadis dengan hukuman tertentu yang bersifat tetap dan tidak boleh diubah oleh manusia. Terdapat tujuh kesalahan utama yang termasuk dalam kategori *hudud*, iaitu:

1. Zina
2. *Qazaf* (menuduh zina tanpa bukti)
3. Mencuri
4. Merompak (*hirabah*)
5. Murtad
6. Minum arak
7. *Bughah* (pemberontakan)

*Qisas* dan *diyat* pula merangkumi kesalahan yang melibatkan kecederaan tubuh badan atau pembunuhan, di mana mangsa atau waris mempunyai hak untuk menuntut balasan yang setimpal (*qisas*), memaafkan, atau menuntut pampasan (*diyat*).

*Ta'zir* merujuk kepada kesalahan yang tidak termasuk dalam kategori *hudud* dan *qisas*, dan hukumannya tidak ditentukan secara khusus oleh nas syarak. Hukuman *ta'zir* adalah bergantung kepada budi bicara hakim berdasarkan kepentingan masyarakat dan keadilan.

Dalam semua kategori ini, terdapat syarat-syarat pensabitan yang ketat perlu dipenuhi sebelum sesuatu hukuman dapat dijatuhkan. Antaranya termasuklah kewujudan saksi yang mencukupi, pengakuan yang jelas, serta keperluan memastikan tiada unsur *syubhat* (keraguan) dalam kes tersebut. Prinsip asas dalam pelaksanaan undang-undang jenayah Islam adalah untuk menegakkan keadilan dan mencegah kezaliman, dengan mengambil kira kemaslahatan umum.

Kajian ini memfokuskan kepada peruntukan hukuman kesalahan jenayah dalam KNL yang berdasarkan prinsip-prinsip perundangan Islam. Berdasarkan hasil analisis terhadap kandungan manuskrip KNL, didapati bahawa terdapat lapan peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan jenayah. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut: (1) hukum murtad; (2) hukum mencuri; (3) hukum zina; (4) hukum *qazaf*; (5) hukum menuduh orang lain; (6) hukum membunuh; (7) hukum meyakiti atau menampar; dan; (8) peruntukan berkaitan dengan syarat dan bilangan yang menjadi saksi dalam kes kesalahan jenayah.

Daripada senarai ini, dapat disimpulkan bahawa beberapa peruntukan dalam KNL adalah sejajar dengan kategori *hudud*, antaranya kesalahan murtad, mencuri, zina dan *qazaf*. Terdapat juga unsur *qisas*, seperti dalam kes membunuh dan mencederakan. Namun begitu, tidak semua tujuh kesalahan *hudud* yang lengkap disebut dalam KNL. Contohnya, kesalahan merompak (*hirabah*) dan minum arak, yang merupakan sebahagian daripada *hudud*, tidak diperuntukkan secara jelas dalam KNL. Begitu juga dengan kesalahan *bughah* (pemberontakan), meskipun terdapat peruntukan yang mungkin menyentuh unsur-unsur *bughah*, tetapi ia tidak dinyatakan menggunakan istilah syarak secara langsung dan hukuman yang dikenakan juga bukan berdasarkan hukum *hudud*, sebaliknya lebih menjurus kepada pendekatan adat atau *ta'zir*.

Hal ini menunjukkan bahawa walaupun KNL mengandungi elemen undang-undang jenayah Islam, ia tidak mencakupi sepenuhnya ketujuh-tujuh kesalahan *hudud* yang diiktiraf dalam syariat. Malah, pemilihan jenis kesalahan yang diperundangkan berdasarkan hukum Islam dalam KNL mungkin dipengaruhi oleh keutamaan pemerintahan setempat atau sumber fiqh tertentu yang dipegang ketika itu. Dalam hal ini juga, dapat difahami bahawa KNL mengamalkan gabungan antara hukum syariat dan adat tempatan, di mana sebahagian kesalahan jenayah menggunakan pendekatan

perundangan Islam secara langsung, manakala sebahagian lain mungkin dikendalikan melalui undang-undang adat atau budi bicara hakim tempatan (unsur *ta'zir*). Perbincangan kesalahan jenayah ini, merujuk kepada halaman manuskrip asal sebagai panduan utama untuk penelusuran dan analisis kandungan. Penjelasan peruntukan hukuman kesalahan jenayah Islam dalam KNL akan dihuraikan berdasarkan susunan halaman manuskrip tersebut.

### a) Hukuman Kesalahan Jenayah Murtad

Perihal hukum murtad dalam KNL dinyatakan secara jelas dalam halaman 13 hingga 14. Pada halaman 13 KNL, dinyatakan:

*“Fasal peri hukum orang murtad dan apabila seorang Islam itu murtad suruh taubah tiga kali.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 13)

Sekiranya tidak mahu bertaubat, hukuman yang dikenakan adalah:

*“...jika tiada mau taubah dibunuh hukumnya jangan dimandikan dan jangan disembahyangkan dan jangan ditanamkan pada kubur Islam.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 14)

Hukum ini menggariskan pelaksanaan hukuman terhadap individu yang murtad, iaitu tindakan yang dianggap sebagai pengkhianatan terhadap agama Islam. Hukum yang dikenakan adalah cukup berat, iaitu hukuman bunuh, serta larangan untuk dimandikan, disembahyangkan, atau dikebumikan di tanah perkuburan Islam. Ketetapan ini sesuai dengan pandangan tradisional dalam mazhab Shāfi‘ī,<sup>21</sup> yang juga diiktiraf oleh banyak fuqaha sebagai satu keperluan untuk mempertahankan keutuhan ajaran Islam. Secara teori, undang-undang ini mempunyai kaitan rapat dengan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī, yang menegaskan hukuman bunuh terhadap individu yang murtad. Salah satu hadis yang relevan dalam konteks ini, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ja‘far Assagaf (2014)<sup>22</sup> ialah:

*“Sesungguhnya Ali telah membakar sekelompok orang, maka (ketika berita itu) sampai pada Ibn ‘Abbas, ia berkata: Jika*

<sup>21</sup> Ja‘far Assagaf, “Kontekstualisasi Hukum Murtad dalam Perspektif Sejarah Sosial Hadis,” *Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan* 14, no. 1 (Jun 2014): 21–39.

<sup>22</sup> Ja‘far Assagaf, “Kontekstualisasi Hukum Murtad dalam Perspektif Sejarah Sosial Hadis.

*saya dalam keadaan itu maka, tidak akan membakar mereka sebab Rasulullah SAW bersabda: Janganlah menyiksa orang seperti siksaan Allah SWT. Namun saya akan membunuh mereka kerana Rasulullah SAW juga bersabda: Barang siapa yang mengganti agamanya (murtad) maka bunuhlah orang tersebut. Barang siapa yang menukar agamanya maka bunuhlah ia.”*

(Riwayat al-Bukhari)<sup>23</sup>

Hadis ini menggambarkan betapa seriusnya tindakan murtad dalam Islam, di mana peralihan agama dianggap sebagai suatu pengkhianatan terhadap kepercayaan yang telah diterima. Walaupun terdapat perbezaan dalam cara pelaksanaannya, prinsip asas tetap sama: jika seseorang meninggalkan Islam, maka hukuman yang dikenakan adalah hukuman bunuh, kecuali jika mereka bertaubat. Di samping itu, pandangan para fuqaha turut selari dengan hadis ini. Sebagai contoh, Imam al-Shāfi‘ī dalam al-Umm<sup>24</sup> menyatakan:

المرتد عن الاسلام (قال الشافعي) رحمة الله تعالى ومن انتقل عن الشرك  
إلى إيمان ثم انتقل عن الإيمان إلى الشرك من بالغى الرجال والنساء استتب  
فإن تاب قبل منه وإن لم يتوب قتل قال عزوجل " ولا يزالون يقاتلونكم  
حتى يردوكم عن دينكم إن استطاعوا " إلى " هم فيها خالدون

*“Imam al-Shāfi‘ī menjelaskan bahawa individu yang keluar dari agama Islam (murtad) perlu diberi peluang untuk bertaubat. Sekiranya mereka bertaubat, maka taubat tersebut diterima. Namun, jika mereka enggan kembali kepada Islam, hukuman yang ditetapkan adalah hukuman mati (bunuh). Ini berlandaskan kepada prinsip bahawa mereka yang murtad boleh memberi ancaman terhadap keamanan dan kesatuan umat Islam. Dengan demikian, hukum bunuh adalah langkah terakhir yang diambil untuk menjaga kesucian agama.”*

<sup>23</sup> al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah al-Bukhārī al-Ja‘afī. Sahīh al-Bukhārī. Disunting oleh Dr. Muṣṭafā Dīb al-Bughā. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1414H/1993M. Kitāb al-Diyāt, Bāb "Qauli Ta‘ala: anna al-nafsa bi al-nafsi,", no. Hadis 3017, j. 6, h. 2521.

<sup>24</sup> al-Shāfi‘ī. Al-Umm li al-Shāfi‘ī. Bayrūt: Darul Ma‘rifah, 1990.

Sementara itu, Ibn Rusyd dalam *Bidayatul Mujtahid* mengemukakan:<sup>25</sup>

في حكم المرتد والمرتد إذا ظفر به قبل أن يحارب، فاتفقوا على أنه يقتل  
الرجل لقوله عليه الصلاة والسلام: من بدل دينه فاقتلوه واختلفوا في قتل  
المرأة وهل تستتاب قبل أن تقتل؟ فقال الجمهور: تقتل المرأة، وقال أبو  
حنيفة: لا تقتل وشبيهها بالكافرة الأصلية

Ibn Rusyd<sup>26</sup> menyatakan bahawa hukuman bunuh dikenakan terhadap lelaki yang murtad, namun terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama mengenai hukuman bagi wanita yang murtad. Menurut Abu Hanifah, wanita yang murtad tidak dikenakan hukuman bunuh, sebaliknya dianggap sebagai kafir asal dan dikenakan hukuman selain daripada hukuman mati. Sebaliknya, majoriti fuqaha berpendapat bahawa hukuman bunuh turut terpakai bagi wanita yang murtad, kerana tindakan murtad dianggap sebagai ancaman terhadap kestabilan masyarakat Islam, tanpa mengira jantina.

Secara keseluruhan, hukum murtad dalam Islam tidak hanya dikategorikan sebagai pelanggaran individu terhadap akidah, tetapi juga dianggap sebagai ancaman terhadap kestabilan agama dan kesejahteraan sosial dalam masyarakat Islam. Keputusan untuk mengenakan hukuman bunuh kepada orang yang murtad menggambarkan pentingnya mempertahankan kesucian agama dan menjaga kesatuan umat Islam. Walaupun pelaksanaannya berbeza mengikut konteks zaman dan tempat, prinsip asas hukum ini tetap konsisten, di mana murtad diklasifikasikan sebagai jenayah serius dalam sistem perundangan Islam.

### b) Hukuman Kesalahan Jenayah Mencuri

Undang-undang jenayah Islam berkaitan kesalahan mencuri turut diperincikan dalam KNL pada Fasal ke-11 dan halaman 20. Petikan daripada manuskrip KNL menyatakan:

*“Fasal pada hukum Allah Taala orang mencuri tiada harus dibunuh melainkan dikudung tangannya juga.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 20)

<sup>25</sup> Ibnu Rusyd. *Bidayat al-Mujtahid*. Beirut: Dar al-Fikr, t.t. Jil. 2, hlm. 376.

<sup>26</sup> Ibnu Rusyd. *Bidayat al-Mujtahid*. Beirut: Dar al-Fikr, t.t.

Pernyataan dalam KNL pada Fasal 11 dan halaman 20 merujuk kepada pelaksanaan hukum *hudud* bagi kesalahan mencuri, yang memperuntukkan hukuman potong tangan. Ketetapan ini seiring dengan prinsip hukum Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran. Sebagaimana Firman Allah SWT seperti berikut:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقةُ فَاقْطُعُوا أَيْدِيهِمَا جَزاءً إِمَّا كَسْبًا نَكَلًا مِنْ اللَّهِ وَاللَّهُ أَعْزِيزٌ

﴿٣٨﴾ حَكِيمٌ

*“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”*

(Surah al-Maidah, 5: 38)

Hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri dinyatakan secara jelas dalam al-Quran sebagai satu bentuk penalti yang wajib dilaksanakan terhadap pelaku jenayah tersebut. Hukuman ini bukan sekadar hukuman balas yang berlandaskan prinsip syariah, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme pencegahan dan pendidikan, bukan hanya kepada pesalah, malah kepada masyarakat secara keseluruhan. Dalam konteks KNL, pelaksanaan hukuman ini mencerminkan komitmen dalam menguatkuasakan undang-undang *hudud* yang berdasarkan syariat Islam dengan matlamat menghindari jenayah serta memelihara keamanan dan kesejahteraan masyarakat.

Hukuman potong tangan adalah sebahagian daripada langkah pencegahan yang lebih besar dalam sistem jenayah Islam. Hukuman ini bersifat pencegah (*al-rad'u*) yang dimaksudkan untuk mengekang jenayah dengan memberi amaran yang jelas terhadap kemungkinan hukuman berat kepada sesiapa yang berniat untuk mencuri. Dalam Surah al-Maidah (5:38), Allah SWT menegaskan bahawa potong tangan bukan hanya sebagai hukuman semata-mata, tetapi juga sebagai langkah pencegahan yang bersifat menghalang dan mendidik agar masyarakat tidak terlibat dalam perbuatan tersebut.

Dalam perundangan Islam, beberapa kriteria perlu dipenuhi sebelum hukuman potong tangan dijatuhkan, antaranya adalah nilai harta yang dicuri, keadaan pelaku, dan bukti yang sah. Oleh itu, pelaksanaan hukuman ini memerlukan suatu proses pengadilan yang adil, dengan pembuktian yang jelas dan tanpa sebarang keraguan. Ini menegaskan bahawa undang-undang *hudud* dalam Islam bukan sekadar menegakkan keadilan, tetapi

juga berperanan dalam mencegah ketidakadilan serta mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa.

**c) Hukuman Kesalahan Jenayah Zina (*Muhsan*)**

KNL turut menggariskan peruntukan berkaitan kesalahan zina, terutamanya bagi mereka yang terikat dalam perkahwinan yang sah (*muhsan*), sebagaimana yang dicatatkan pada Fasal ke-12 dan halaman 33. Petikan dari KNL menyatakan:

*“Adapun pada hukum Allah Taala jikalau ia muhsan direjam ada dua arti muhsan itu yang berlaki jikalau yang ada beristeri itulah arti muhsan daripada dua lapan puluh pulu dengan .... .... itu itulah hukumnya dengan tiada bersalahan”.*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 33)

KNL menetapkan bahawa individu yang telah berkahwin dan disabitkan dengan kesalahan zina dikenakan hukuman rejam hingga mati. Hukuman ini jelas berlandaskan prinsip syariah yang terkandung dalam kata-kata, perbuatan dan amalan Rasulullah SAW. Hukuman yang dinyatakan dalam KNL ini selaras dengan hadis sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, di mana Rasulullah SAW bersabda:

*“Tidak halal darah seorang muslim kecuali kerana salah satu di antara tiga perkara: orang yang telah menikah berzina, jiwa dengan jiwa dan orang yang meninggalkan agamanya berpisah dari jamaah”.*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)<sup>27</sup>

Selain itu, amalan para sahabat RA turut menyokong pelaksanaan hukuman ini. Sebagai contoh, Umar al-Khattab RA menegaskan bahawa hukum rejam adalah sebahagian daripada hukum yang diturunkan Allah melalui al-Quran. Umar RA menekankan bahawa Rasulullah SAW sendiri telah melaksanakan hukuman ini, dan sahabat-sahabat turut mengikuti amalan tersebut:

*“Dari Abdulllah ibn Abbas berkata: berkata Saidina Umar RA: Sesungguhnya Allah telah membangkitkan Muhammad SAW secara benar dan diturunkan kepadanya Quran dan antara yang telah diturunkan kepadanya adalah ayat*

<sup>27</sup> Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, ed. Mustafa Dib al-Bugha (Beirut: Dar Ibn Kathir, 1414H/1993M), 6:2521; Muslim, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi* (Mesir: al-Matba‘ah al-Masriyyah wa Maktabatuhu, t.t.), 11:182.

berkenaan hukum rejam, maka kami (sahabat) telah membacanya, menyedarinya dan memikirkannya. Maka Rasulullah SAW sendiri telah merejam (penzina) dan kami juga merejamnya selepas itu. Maka aku bimbang sekiranya berlalu zaman, akan timbul mereka yang berkata: kami tidak dapati hukum rejam di dalam Kitab Allah. Maka jadilah mereka sesat dengan meninggalkan kefardhuan yang diturunkan Allah. Sesungguhnya rejam adalah *haq* dalam Kitab Allah, (dikenakan) bagi penzina muhsan dari kalangan lelaki dan perempuan jika bukti telah tertegak atau terbukti hamil atau dengan pengakuan.”

(Riwayat al-Bukhari, Muslim dan al-Tirmizi)<sup>28</sup>

Pelaksanaan hukuman rejam terhadap individu yang telah berkahwin (*muhsan*) yang melakukan zina selaras dengan prinsip Syariah Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis. Dari sudut perundangan Islam, hukuman ini bukan sekadar satu bentuk penalti, tetapi berfungsi sebagai mekanisme pencegahan yang bertujuan mengekang perbuatan zina serta memelihara maruah dan kestabilan sosial. Walau bagaimanapun, dalam manuskrip KNL, hukuman bagi individu yang belum berkahwin (*ghair muhsan*) tidak dinyatakan secara jelas. Berdasarkan ketetapan al-Quran, pelaku zina yang belum berkahwin dikenakan hukuman sebatan sebanyak seratus kali, seperti yang dijelaskan dalam Surah an-Nur, ayat 2:

الرَّانِيَةُ وَالرَّانِيٌ فَاجْلِلُوْا كُلَّ مُنْهَمَا مِائَةً جَلْدَةً وَلَا تَأْخُذُنُكُمْ بِمَا رَفَعْتُمْ  
فِي دِيْنِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَسْهُدْ عَدَّا كُمَا طَائِفَةٌ مِنْ  
الْمُؤْمِنِيْنَ ﴿٢﴾

“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah kamu disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.”

(Surah an-Nur, 24: 2)

<sup>28</sup> *Ibid.*; Muhammad bin Isa bin Surah al-Tirmizi, *Al-Jami‘ al-Sahih wahuwa Sunan al-Tirmizi*, ed. Ahmad Muhammad Syakir (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t.), juz. 4, hlm. 30.

Ketiadaan penjelasan mengenai hukuman bagi *ghair muhsan* dalam KNL menunjukkan kemungkinan bahawa manuskrip ini lebih fokus pada hukuman bagi penzina *muhsan*. Walau bagaimanapun, pelaksanaan hukuman terhadap *ghair muhsan* tetap berlandaskan kepada prinsip syariah yang sama, iaitu hukuman sebat sebagai langkah pencegahan dan pengajaran.

Berdasarkan kepada dalil-dalil dan bukti yang jelas, dapat disimpulkan bahawa manuskrip KNL mengikuti ketetapan hukum syarak dalam menetapkan hukuman bagi kesalahan zina. Hukuman kesalahan zina (*muhsan*) di dalam KNL menunjukkan bahawa penggubalan undang-undang dalam KNL berusaha untuk menjaga keadilan sosial dan moral, dengan mengutamakan prinsip pencegahan jenayah serta perlindungan terhadap institusi perkahwinan dan kehormatan individu.

#### d) Hukuman Kesalahan Jenayah *Qazaf*

KNL turut menyentuh tentang hukum *qazaf*, iaitu melemparkan tuduhan zina kepada seseorang tanpa bukti kukuh. Petikan daripada Kanun Negeri Lingga (1862: 33-34) menyatakan:

“Fasal akan hukum orang menuduh zina itu pada hukum kanun.”

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 33)

“...didendai sepuluh tahil jikalau yang dituduh itu abdi didendai dua tahil sepha atau setengah harga jikalau sungguh suatu pun tiada laki hukumnya atas yang menuduh itu demikianlah menuduh anak hamba orang zina setengah harga juga.”

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 34)

Pernyataan dalam KNL mengenai *qazaf* pada halaman 33-34 menjelaskan hukuman berbentuk denda yang berdasarkan adat tempatan. Hukuman ini membezakan antara status sosial, di mana orang merdeka dikenakan denda sebanyak sepuluh tahil, manakala hamba hanya didenda dua tahil sepha atau separuh harga dirinya.

Walaupun KNL memperuntukkan hukuman terhadap kesalahan *qazaf* dalam bentuk denda berdasarkan adat tempatan. Pendekatan ini berbeza secara signifikan daripada ketetapan *hudud* dalam hukum Islam. Dalam Islam, *qazaf* iaitu tuduhan zina tanpa empat orang saksi lelaki yang adil. Ia merupakan salah satu kesalahan jenayah *hudud* dan kadar hukumannya telah ditentukan secara mutlak oleh Allah SWT melalui nas al-Quran. Hukuman *qazaf* dalam Islam adalah 80 sebatan sebagaimana firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُنْ مَنِينَ جَلْدًا  
وَلَا تَقْبِلُوهُنْ شَهَدَةً أَبْدًا وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْفَسِيْعُونَ ﴿٤﴾

“Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik.”

(Surah an-Nur, 24: 4)

Perbezaan ini menunjukkan satu usaha penyesuaian antara undang-undang Islam dan konteks sosio-budaya tempatan. Penyesuaian ini mungkin bertujuan untuk memastikan penerimaan masyarakat setempat terhadap pelaksanaan hukum. Sebagai perbandingan, dalam hukum Islam sendiri terdapat ketetapan yang berbeza mengikut status individu. Misalnya, seorang hamba yang melakukan *qazaf* ditetapkan pada kadar separuh daripada hukuman yang dikenakan ke atas individu yang merdeka, iaitu sebanyak 40 sebatan. Ketetapan ini bersandarkan kepada firman Allah SWT sebagaimana berikut:

...فَإِذَا أَخْصِنَ إِنْ أَتَيْنَ بِعِحْشَةٍ فَعَلَيْهِنَ نِصْفُ مَا عَلَى الْمُحْصَنَاتِ مِنْ  
الْعَدَابِ... ﴿٢٥﴾

“Kemudian setelah mereka (hamba-hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh dari (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka.”

(Surah al-Nisa’, 4: 25)

Pernyataan dalam KNL menunjukkan bahawa perundangan adat tempatan tidak sepenuhnya mengikut prinsip *hudud* sebagaimana ditetapkan oleh syarak. Sebaliknya, hukuman *qazaf* yang dinyatakan dalam KNL lebih bersifat kompromi dengan adat dan status sosial dalam masyarakat.

#### e) Hukuman Kesalahan Jenayah Membunuh

KNL turut menyentuh tentang hukum membunuh yang menetapkan *qisas*, iaitu pembalasan bunuh bagi perbuatan membunuh. Hal ini dinyatakan dalam KNL pada halaman 18 seperti berikut:

*“Fasal pada hukum Allah dalam kitab yang memunuh itu dibunuh.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 18)

*“...hukumnya karana menurut dalil Quran dan menurut amar bil-makruf wa nahu anil-munkar.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 21)

Pernyataan ini menunjukkan bahawa KNL menerima prinsip *qisas* sebagaimana yang ditetapkan dalam syarak, di mana pembalasan dilakukan secara setimpal. Ketetapan ini juga seiring dengan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 45:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ الْنَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ  
وَالْأُذْنَ بِالْأُذْنِ وَالسِّنَ بِالسِّنِ وَاجْرُوحَ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ  
كَفَارَةً لَهُ وَمَنْ لَمْ يَجْعُلْهُمْ بِآئِزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

*“Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalaunya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalm.”*

(Surah al-Maidah, 5: 45)

Prinsip *qisas* dalam KNL menegaskan konsep keadilan dalam pembalasan, yang menjadi salah satu asas utama dalam perundangan Islam. Selain itu, KNL turut menekankan kesesuaian hukuman tersebut dengan dalil al-Quran serta konsep *amar makruf* dan *nahi mungkar*, iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, yang menjadi teras dalam sistem perundangan Islam.

Tambahan pula, firman Allah SWT dalam surah al-Maidah turut membuka ruang kepada alternatif bagi pelaksanaan *qisas*, iaitu pemberian kemaafan oleh keluarga mangsa. Kemaafan ini bukan sahaja dianggap sebagai satu bentuk ihsan, tetapi juga berperanan sebagai jalan ke arah penyelesaian yang lebih harmoni serta berpotensi menjadi penebus dosa bagi pelaku.

#### f) Hukuman Kesalahan Menyakiti/Menampar

KNL turut memperincikan hukuman bagi kesalahan menampar seseorang. Halaman 25 dalam KNL menyatakan bahawa tindakan menampar orang lain akan dibalas dengan hukuman yang setimpal. Petikan daripada manuskrip tersebut menyebut:

*“Adapun pada hukum Allah Taala menampar itu ditampar juga maka adil namanya hukumnya.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 25)

Kesalahan menampar yang dikenakan hukuman setimpal adalah seajar dengan konsep *qisas* dalam perundangan jenayah Islam. Prinsip ini turut ditegaskan dalam al-Quran, khususnya dalam surah al-Maidah ayat 45:

...وَالْجُنُوحُ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَارَةٌ لَهُ... ﴿٤٥﴾

*“Dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalaunya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya.”*

(Surah al-Maidah, 5: 45)

Prinsip *qisas* ini mencerminkan keadilan dalam sistem perundangan Islam dengan menyeimbangkan antara kesalahan yang dilakukan dan hukuman yang diberikan. Dalam konteks KNL, hukuman menampar balas tidak hanya menunjukkan keselarasan dengan hukum syarak, tetapi juga menegaskan nilai keadilan dalam masyarakat Melayu-Islam tradisional.

Walau bagaimanapun, prinsip *qisas* ini juga membuka ruang untuk pemaafan seperti yang digariskan dalam ayat tersebut, di mana mangsa diberi pilihan untuk memaafkan pelaku dan menjadikan pemaafan itu sebagai penghapus dosa. Hal ini menggambarkan keseimbangan antara prinsip keadilan dan nilai belas kasihan dalam sistem undang-undang Islam. Kesimpulannya, perincian dalam KNL ini mencerminkan keutuhan KNL sebagai dokumen undang-undang yang berlandaskan syariah dan relevan dalam memberikan panduan kepada masyarakat pada zamannya.

#### g) Hukuman Kesalahan Menuduh/Memfitnah Orang Lain

KNL turut merangkumi perincian tentang hukum menuduh atau menyangkal orang lain. Fasal ke-14 dan pada halaman 36 hingga 38 dalam KNL memperuntukkan hukuman kesalahan memfitnah atau tuduh menuduh. Petikan daripada manuskrip tersebut menyebut:

*“Fasal yang keempat belas peri menyatakan bertuduh-tuduhan dan sangkal adapun seorang itu menuduh seorang bersangkal ditanya oleh hakim jika lau mau berlawan*

*diperlawankan itupun jikalau tiada saksi jikalau ada saksi dua orang juga atau seorang pun dihukumkan oleh hakim atas barang adat kanun itu. Adapun pada hukum Allah Taala sekadar disuruh bersumpah menjabat mimbar juga pun padalah.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 36)

*“Adapun jikalau menuduh mengambil isteri orang maka ulur yang empunya tuduh itu dibunuhi jikalau menang yang dituduh itu dibunuhi yang menuduh itu kerana isteri itu mati jikalau tiada dibunuhi didendai sepuluh tahil sepha dalam pada itupun sepatut segala hakim juga kerana hukumnya mati kerana menolongi orang teraniaya itu terlebih baik. Adapun pada hukum Allah Taala tiada demikian hanya disuruhkan oleh hakim bersumpah atau taubat daripada perbuatan itu itulah pada hukum Allah Taala atas tiada bersalahan lagi.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 37-38)

KNL memperuntukkan hukuman bagi kesalahan menuduh individu lain tanpa mengemukakan saksi, berdasarkan gabungan prinsip undang-undang adat dan hukum Islam. Menurut peruntukan tersebut, individu yang membuat tuduhan tanpa bukti *sahih* tidak dikenakan hukuman berat, sebaliknya diarahkan oleh hakim untuk mengangkat sumpah di atas mimbar sambil menjabat al-Quran, sebagai bentuk pengesahan dan taubat atas tindakannya. Petikan menyebut bahawa: “sekadar disuruh bersumpah menjabat mimbar dan bertaubah,” menunjukkan pendekatan yang menekankan unsur moral dan tanggungjawab sosial berbanding hukuman fizikal.

Dalam kerangka hukum Islam, konsep sumpah (*al-aiman*) diiktiraf sebagai satu bentuk pengukuhan terhadap sesuatu dakwaan yang tidak dapat dibuktikan melalui saksi. Secara etimologi, *al-aiman* merujuk kepada kekuatan atau jaminan, dan ia juga dikenali sebagai *yamin*. Dari sudut istilah, *al-aiman* ditakrifkan sebagai pernyataan yang bertujuan mengukuhkan sesuatu kenyataan dengan menyebut nama atau sifat Allah SWT melalui lafaz yang tertentu<sup>29</sup>

Peruntukan dalam KNL ini dilihat bertepatan dengan pandangan Imam al-Shafi'i, yang menetapkan syarat-syarat tertentu bagi sumpah yang sah, antaranya: (i) individu yang bersumpah hendaklah baligh dan berakal; (ii)

<sup>29</sup> Mustafa et.al., Kitab Fiqh Mazhab Shafi'i, Jilid 3:527

sumpah tidak bersifat *lagha* (sia-sia); dan (iii) sumpah hendaklah disandarkan kepada nama Allah, sifat-sifat-Nya, atau zatNya yang suci. Walaupun sumpah ini dibenarkan dalam syariat, hukumnya dianggap makruh, sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 224 yang melarang penggunaan nama Allah sebagai alat untuk memperkuat niat duniawi semata-mata. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا يَحْكُمُوا أَنَّ اللَّهَ عَزَّ ذِيْقَانَهُ لِأَعْمَانَهُ إِنْ تَبُرُّوا وَتَتَقْوُا وَتُصْلِحُوا بَيْنَ النَّاسِ وَاللَّهُ  
سَمِيعٌ عَلَيْهِ ﴿٢٢٤﴾

*“Dan janganlah kamu jadikan nama) Allah dalam sumpah kamu sebagai benteng yang menghalangi kamu daripada berbuat baik dan bertaqwa, serta mendamaikan perbalahan antara sesama manusia. Dan (ingatlah), Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui.”*

(Surah al-Baqarah, 2: 224)

Peruntukan dalam KNL mencerminkan pendekatan kehati-hatian dan keinsafan dalam menangani tuduhan yang tidak disokong bukti, sekali gus menzahirkan prinsip keadilan Islam yang tidak terburu-buru dalam menjatuhkan hukuman melainkan setelah kesahihan sesuatu dakwaan dapat dipastikan secara syarie. Pendekatan ini juga menggambarkan usaha penyusunan undang-undang tempatan yang cuba mengimbangi antara elemen fiqh dan adat, tanpa mengenepekkan nilai etika dan kehormatan individu.

#### **h) Syarat Saksi dan Bilangannya dalam Kes Kesalahan Jenayah**

Kanun Negeri Lingga (KNL) turut memperincikan syarat dan bilangan saksi dalam kes kesalahan jenayah berdasarkan hukum Islam. Halaman 14 hingga 16 manuskrip tersebut menegaskan lima syarat utama untuk menjadi saksi iaitu (i) Islam; (ii) baligh; (iii) berakal; (iv) adil; dan (v) menjauhi dosa besar dan kecil, berkelakuan baik serta memelihara akhlak yang mulia.

Hal ini dinyatakan dalam petikan berikut:

*“Fasal peri menyatakan saksi tiada diqabulkan melainkan berhimpun pada saksi itu lima perkara pertama Islam kedua baligh ketiga akal keempat adil kelima perkara hendak menjauhi dosa besar dan kecil dan baik kelakuannya dan*

*jangan mereka gusar dan memeliharkan lakunya seperti namanya. Bermula tiada pada zina ia itu melainkan empat.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 14)

KNL turut memperincikan syarat jumlah saksi dalam kes jenayah hudud seperti zina, di mana ia menetapkan keperluan empat orang saksi lelaki yang adil sebelum sesuatu hukuman dapat dijatuhkan:

*“...orang laki-laki dan jika tiada empat dua orang laki-laki pada segala had seperti had minum tuak dan mencuri dan menyamun dan membunuh orang murtad dan qisas pada nyawa dan anggota dan had muka dan ikrar pada segala perkara.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 15)

Bagi kes tertentu yang melibatkan wanita, seperti bukti tentang kelahiran, keperawanan (*bikr*), atau keaiban wanita, bilangan saksi boleh melibatkan dua lelaki, dua wanita, atau sehingga empat orang wanita:

*“Bermula tiada sabit melainkan dua orang laki-laki dua orang perempuan atau empat orang perempuan pada beranak dan bikr dan sabit yakni janda dan segala aib perempuan dan segala yang terbanyak pekerjaan segala perempuan mengetahui dia.”*

(Kanun Negeri Lingga, 1862, hlm. 16)

Syarat-syarat saksi yang dinyatakan dalam KNL adalah seiring dengan ketetapan para fuqaha dalam kitab-kitab fiqh, sebagaimana dihuraikan oleh Wahbah al-Zuhayli.<sup>30</sup> Mahmud Saedon (1990)<sup>31</sup> juga menyenaraikan *shuri‘at al-adā’* yang merangkumi syarat tambahan seperti kekuatan ingatan, tiada tohmah, berakhhlak mulia dan kebebasan. Manakala dalam kes zina, syarat menghadirkan empat orang saksi lelaki yang adil, sebagaimana dinyatakan dalam KNL, adalah sejajar dengan ketetapan syarak yang bersandarkan dalil al-Quran:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءَ فَأَجْلِدُوهُنْ مَنِينَ جَلْدَةً  
وَلَا تَقْبِلُوا لَهُنْ شَهَدَةً أَبْدًا وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْفَسِيْقُونَ ﴿٤﴾

<sup>30</sup> Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, vol. 8 (Damsyik: Dar al-Fikr, 1997).

<sup>31</sup> Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-Undang Keterangan Islam* (Kuala Lumpur: t.p., 1990), hlm. 12.

*“Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang.”*

(Surah an-Nur, 24: 4)

Peruntukan dalam KNL mencerminkan penekanan Islam terhadap prinsip keadilan, khususnya dalam aspek pensabitan kes melalui bukti dan keterangan saksi. Kewajiban untuk memastikan saksi memenuhi syarat seperti berakhhlak baik, adil dan bebas daripada tohmah menggambarkan usaha Syariat Islam dalam memastikan sesuatu hukuman tidak dijatuhkan secara sewenang-wenangnya.

Pelaksanaan hukuman kesalahan jenayah di Sarawak bukan sekadar wujud dalam bentuk peruntukan dalam teks KNL, malah telah diamalkan secara nyata dan dibuktikan melalui pelbagai catatan pegawai British sebelum penjajahan rasmi. Sebagai contoh, rekod yang dibuat oleh Kapten Rodney Mundy pada tahun 1840 menunjukkan bahawa hukum *qisas*, seperti hukuman balas bunuh, telah dilaksanakan oleh keluarga mangsa pembunuhan di Sarawak. Kapten Rodney Mundy menyatakan bahawa:

*“Year 1840 - In cases of murder, retort in kind is allowed and justified; but, unlike the law of the Arabs, the retaliation must be confined to the individual murderer, if one man kills another, a brother or friend of the deceased kills him in return, and the business ends; but they can likewise settle the matter by paying a fine, provided both parties give their consent. In all other cases fines prevail; and, as far as I have yet heard, no severer punishment is ever inflicted for crime.”*

<sup>32</sup>

Ini membuktikan bahawa undang-undang Islam telah diamalkan secara sistematis di bawah pengaruh Kesultanan Brunei. Selain itu, catatan James Brooke pada tahun 1845 turut merujuk kepada pelaksanaan hukum *hudud* berdasarkan undang-undang tempatan (Ondong-Ondong), sebagaimana berikut:

---

<sup>32</sup> Rodney Mundy, Narrative of Events in Borneo and Celebes (London: John Murray, 1848), 211

*“On this day I tried a Pontiana man for theft, the punishment for which, on finding him guilty, was cutting off his hand, conformably with the Ondong- Ondong, the established law of the country, to which I had bound myself in assuming my government. To this, however, I could not bring myself to consent; I therefore commuted it for three dozen lashes, laid on by the boatswain. I believe the effect will be equally good, and not so barbarous, and I will endeavour to change the law in this respect.”<sup>33</sup>*

Kedua-dua sumber ini memberikan gambaran jelas bahawa pelaksanaan hukuman kesalahan jenayah sememangnya berlaku dan menjadi sebahagian daripada sistem perundangan tradisional Sarawak sebelum campur tangan kolonial. Catatan-catatan sejarah ini juga mengukuhkan bukti bahawa perundangan Islam telah diamalkan di Sarawak sebelum era pemerintahan James Brooke pada tahun 1841M. Selain itu, catatan sejarah ini juga menegaskan bahawa pelaksanaan hukuman jenayah dalam KNL bukan hanya sekadar peruntukan, tetapi telah dilaksanakan dengan nyata dalam masyarakat pada masa itu.

### **3. Pengaruh dan Relevansi Manuskrip Kanun Negeri Lingga dalam Pembentukan Sistem Undang-Undang Semasa di Sarawak**

Manuskrip KNL merupakan antara teks perundangan yang memperlihatkan penerapan undang-undang jenayah Islam dalam masyarakat Melayu-Islam di Alam Melayu, termasuk Sarawak. Sebelum kedatangan penjajahan, masyarakat Islam di Sarawak telah mempraktikkan prinsip-prinsip KNL dalam kehidupan mereka, termasuk dalam menangani kesalahan jenayah seperti zina, *qazaf* (menuduh berzina), mencuri, dan pembunuhan. Peruntukan KNL ini memberi panduan jelas berdasarkan syariah dalam menjatuhkan hukuman, sekali gus membuktikan kewujudan sistem keadilan Islam yang tersusun dan menyeluruh ketika itu.

Manuskrip KNL telah memainkan peranan penting dalam membentuk struktur undang-undang jenayah Islam di Sarawak. Prinsip-prinsip yang digariskan dalam KNL seperti keperluan empat orang saksi adil dalam kes zina, kewajipan diyat dalam kes pembunuhan, dan hukuman terhadap pencuri, menunjukkan keselarasan yang kuat dengan hukum jenayah Islam (*hudud*, *qisas* dan *ta’zir*). KNL juga menekankan syarat-syarat keadilan

---

<sup>33</sup> Mundy, Narrative of Events in Borneo and Celebes, 9

dan akhlak bagi saksi, yang mencerminkan betapa seriusnya pemeliharaan prinsip keadilan dalam menjatuhkan hukuman.

Sarawak kini mengamalkan sistem perundangan moden yang lebih kompleks. Namun begitu, prinsip KNL masih relevan dari sudut sejarah dan warisan perundangan tempatan. Nilai-nilai seperti kepastian bukti, perlindungan hak mangsa, dan pemulihan sosial penjenayah masih dijadikan asas dalam pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah di Sarawak seperti Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah. Kesinambungan prinsip-prinsip ini dapat dilihat melalui undang-undang semasa yang tetap menekankan elemen keadilan berteraskan Islam.

Mengintegrasikan prinsip-prinsip KNL dengan sistem undang-undang moden bukanlah suatu usaha yang mudah, namun ia penting dalam mengekalkan jati diri perundangan Islam di Sarawak. Salah satu cabaran utama ialah memastikan tafsiran terhadap teks lama ini disokong dengan rujukan yang sahih dan kontekstual. Walaupun begitu, prinsip-prinsip dalam KNL tetap mampu memperkaya perundangan semasa dengan menawarkan panduan normatif yang berasaskan nilai moral dan keadilan Islam.

Secara keseluruhannya, KNL memberi impak besar dalam pembentukan sistem undang-undang jenayah Islam di Sarawak. Ia bukan sahaja menggambarkan warisan keilmuan dan keagamaan yang kuat, malah menjadi bukti bahawa sebelum kedatangan penjajah, masyarakat Islam di Sarawak telah mempunyai struktur perundangan jenayah berasaskan syariah yang kukuh. Maka, memahami dan menilai semula peranan KNL dalam konteks semasa adalah penting untuk memastikan kesinambungan prinsip undang-undang Islam dalam masyarakat moden.

## KESIMPULAN

Hasil kajian ini membuktikan bahawa KNL mencerminkan pengamalan undang-undang Islam sebelum kedatangan James Brooke di Sarawak. Manuscrip ini mengandungi 80 halaman yang merangkumi pelbagai aspek perundangan, termasuk hukum Syariah, peraturan berkaitan pemerintahan raja (Hukum Kanun Datu), undang-undang adat Melayu Lingga, serta undang-undang laut yang meliputi pelabuhan, kapal, pelayaran dan perahu dagang.

Kajian ini secara khusus meneliti aspek hukuman bagi kesalahan jenayah dalam KNL, yang mencakupi peruntukan berkaitan kesalahan seperti murtad, mencuri, zina, *qazaf*, tuduhan palsu, pembunuhan, serta kecederaan fizikal seperti menampar. Selain itu, manuscrip ini turut

memperincikan syarat dan bilangan saksi dalam kes jenayah. Peruntukan-peruntukan ini menunjukkan keselarasan KNL dengan prinsip hukum syarak dalam aspek jenayah, sekali gus mengukuhkan pengaruh undang-undang Islam dalam sistem perundangan tempatan ketika itu.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini juga mengesahkan bahawa hukuman kesalahan jenayah dalam KNL menunjukkan pengaruh signifikan daripada undang-undang Islam dalam struktur perundangan tempatan. Kewujudan KNL bukan sahaja menjadi bukti penting dalam sejarah perundangan Islam di Sarawak, tetapi juga berpotensi memberikan sumbangan bermakna dalam memahami perkembangan kerangka perundangan di negeri tersebut.

## PENGHARGAAN

Penghargaan terima kasih kepada kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Sarawak, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, dan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia atas kerjasama, sokongan, dan bantuan kemudahan yang diberikan dalam menyiapkan kajian ini.

## RUJUKAN

- Al- Bukhārī, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah al- Bukhārī al-Jā‘ifi. *Sahīh al-Bukhārī*. Muhaqqiq: Dr. Mustafa Dib al-Bugha. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1414H/1993M. Kitab al-Diyat, Bab "Qauli Ta‘ala: anna al-nafsa bi al-nafsi," Juz 6, hlm. 2521.
- Al-Shāfi‘ī. *Al-Umm li al-Shāfi‘ī*. Bayrūt: Darul Ma‘rifah, 1990.
- Al-Tirmidhi, Muhammad bin ‘Isā, *al-Jāmi‘ al-Sahih Sunan al-Tirmidhi*. Vol 4, ed. Ahmad Muhammad Shākir. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t., Kitab al-Hudud ‘an Rasulullah SAW, Bab "Fi Ma Ja‘a Fi Tahqiqi al-Rajm," Juz 4, hlm. 30.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. *Al-Fiqh al- Islāmī wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr, 1997, vol. 8.
- Azuan Jemat. "Negeri Lingga Abad ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Luper dan Sungai Lingga." Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Hak dan Adat Bumiputera Melayu Sarawak*, Dewan Hikmah Kuching, 29 Januari 2018.
- Ibnu Rusyd. *Bidāyatūl Mūjtāhid*. Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t., Jilid 2, hlm. 376.

- Ja‘far Assagaf. "Kontekstualisasi Hukum Murtad dalam Perspektif Sejarah Sosial Hadis." *Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan* 14, no. 1 (2014): 21–39.
- Kanun Negeri Lingga*. 1862. Disimpan dan diperoleh daripada waris Kerajaan Negeri Lingga.
- Mahmud Saedon A. Othman. *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 12.
- Md. Salleh Haji Md. @ Haji Ahmad. *Pengajian Syariah: Hubungan dengan Adat Resam serta Keadaan Tempatan dalam Dinamisme Pengajian Syariah*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Percetakan Zafar Sdn. Bhd., 2001, Cet. 1, hlm. 59.
- Muhammad Fathi Yusof. *Undang-Undang Jenayah Islam*. Diakses pada 23 Mac 2023. <https://syariah.johor.gov.my/>.
- Muslim. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Mesir: al-Maktabaah al-Masriyyah wa Maktabatuhu, t.t., Juzuk 11, hlm. 182.
- Noranizah Yusof, *Perspektif Baharu Perkembangan Perundangan Islam Di Sarawak*. (PhD, UiTM Sarawak, 2025) - Abg Nor, A.S. (2023) Temu bual bersama pemilik manuskrip Kanun Negeri Lingga. Tarikh, 20 Mac 2023.
- Pringle, R. (1970). Rajah and rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941. MacMillan Ltd.
- Pringle, R. (2010). *Rajahs and rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941*. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), ISBN 9789675418013.
- Saimi Bujang, Abdul Razak Abdul Kadir, Noranizah Yusuf, Fatimah Hamrie, dan Wan Ariffin Wan Yon. "Sejarah dan Perkembangan Pentadbiran Islam Pada Era Pemerintahan Brooke di Sarawak." *Journal of Al-Tamaddun* 17, no. 2 (2022): 53–70.
- Sanib Said. "Umat Islam di Sarawak: Dulu, Sekarang dan Akan Datang." Dalam *Masyarakat Melayu Sarawak: Himpunan Kertas Seminar Budaya Melayu II*, Yayasan Budaya Melayu Sarawak, Kuching, 1998, hlm. 31.
- Sanib Said. *Negeri Banting: Negeri yang Hilang dari Sarawak*. TVS Entertainment, episod 10, 2023. <https://www.youtube.com/watch?v=14a6G4rqZww>.

- Siti Zalikha Md Nor. *Mahkamah Syariah dan Undang-Undang Islam di Malaysia (AMSS5303)*. Selangor: Meteor Doc. Sdn. Bhd., 2015, Cetakan 2, hlm. 86.
- Suffian Mansor. "Politik Melayu Sarawak PASCA PRU13." Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Budaya Melayu Sarawak ke-VI*. Amanat Khairat Yayasan Budaya Melayu, 2013, hlm. 4.
- Taylor, S. J., dan R. Bogdan. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. 2nd ed. New York: John Wiley & Sons, 1984.
- Zaini Nasohah. "Perkembangan Undang-Undang untuk Orang Islam di Negeri Sarawak Sebelum dan Selepas Merdeka." Dalam *Perkembangan Islam di Nusantara*, 239. Kuala Lumpur: UPENA, UiTM, 2006.